

# Langkah atasi banjir kilat

**SHAH ALAM** – Pihak berkuasa tempatan (PBT) bercadang mengambil alih sebahagian daripada dana yang diperuntukkan kepada Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Selangor sebagai usaha mengatasi banjir kilat.

Exco Kerajaan Tempatan, Kajian dan Penyelidikan, Datuk Teng Chang Khim berkata, peruntukan JPS disalurkan sebahagian kepada PBT untuk melaksanakannya tetapi perkara ini melibatkan aspek tatacara kerja, bidang kuasa. Oleh yang demikian, perkara ini masih di peringkat kajian bagi mencari kaedah pelaksanaan efektif.

“Ini bermakna projek-projek yang tidak dapat dilaksanakan atau tidak sempat dilaksanakan oleh JPS mungkin boleh dilaksanakan oleh pihak PBT tapi ia melibatkan tata cara kerja, bidang kuasa, jadi itu masih dalam kajian bagaimana kita dapat melaksanakannya.

“Bagaimanapun itu bererti kita berusaha secara serius tentang masalah banjir ini,” katanya.

Sementara itu, Chang Khim turut memaklumkan bahawa, kerajaan

negeri telah membelanjakan lebih 60 peratus peruntukan untuk projek-projek tebatan bagi tahun 2013.

“Pada tahun depan kita bercadang untuk menambah dana mengikut keperluan, permintaan dan keadaan semasa.

“PBT lihat kepada keperluan bagi kawasan lebih serius terutama kawasan Ampang dan Klang serta Semenyih peruntukan lebih diberikan kpd kawasan hotspot banjir berkenaan,” katanya.

Dalam perkembangan sama, beliau yang juga Adun Sungai Pinang berkata, terdapat dua jenis kategori masalah banjir iaitu banjir kilat dan bermusim.

“Masalah banjir bermusim berlaku apabila sesuatu tempat itu mengalami hujan sahaja air bertakung tetapi di Selangor akibat perbandaran pesat, kebanyakan kes adalah banjir kilat.

“Tetapi ada juga kes yang kronik yang memang dalam jangka pendek tidak dapat kita selesaikan sepenuhnya kerana banyak bangunan kediaman khususnya telah lama dibina tanpa kelulusan dan tapak kediaman mereka itu berada di bawah paras air, terutamanya di kawasan kampung, seperti yang berlaku di Terengganu dan Kelantan saban tahun,” katanya.

Mengulas lanjut perkara ini, Chang Khim berkata, masalah-masalah itu hanya dapat dikurangkan dengan memastikan parit dan longkang dibersihkan mengikut skala agar apabila berlakunya air pasang dengan hujan lebat serentak ia dapat mengurangkan risiko banjir.



CHANG KHIM